



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 3 MAC 2026**

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	BERNAS PASTIKAN EKOSISTEM PADI DAN BERAS NEGARA KEKAL BERDAYA TAHAN, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 7	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	BERNAS PERKASA INDUSTRI PADI, TUMPU KELESTARIAN BEKALAN BERAS NEGARA, NEGARA, KOSMO, M/S – 5	
3.	100 BAKUL LICIN DALAM 15 MINIT, KOMBO MADANI SEGAR, LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 16	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

BERNAS pastikan ekosistem padi dan beras negara kekal berdaya tahan

Oleh JOHANNA MUMTAZ WANPA
johanna.pa@mediamula.com.my

KETAHANAN bekalan makanan semakin menjadi agenda strategik bagi banyak negara, termasuk Malaysia, susulan ketidaktentuan geopolitik, perubahan iklim dan gangguan rantaian bekalan global yang berlaku sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Bagi sebuah negara yang masih bergantung kepada import untuk memenuhi sebahagian keperluan beras domestik, keupayaan mengurus bekalan secara berkesan menjadi faktor kritikal kepada kesejahteraan rakyat.

Dalam konteks ini, peranan Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) sebagai pemegang konsesi import beras wajar dilihat dalam kerangka yang lebih luas, iaitu sebagai sebahagian daripada mekanisme Kerajaan dalam memastikan bekalan beras negara adalah mencukupi.

Keperluan kesiapsiagaan dalam persekitaran global tidak menentu

Perubahan dasar perdagangan antarabangsa, sekatan eksport oleh negara pengeluar serta turun naik kadar pertukaran mata wang menuntut negara mempunyai sistem pengurusan bekalan yang lebih bersedia. Pengalaman krisis makanan dunia pada era 1970-an dan 2008 menjadi pengajaran penting bahawa pergantungan kepada pasaran global tanpa mekanisme penampungan boleh menjejaskan kestabilan domestik.

Dalam beberapa episod ketidaktentuan global kebelakangan ini, termasuk sekatan eksport beras putih oleh India pada tahun 2023 serta gangguan rantaian bekalan akibat konflik geopolitik, kepelbagaian sumber import menjadi antara faktor penting dalam memastikan bekalan negara kekal mencukupi.

Pengalaman BERNAS dalam mengurus perolehan beras dari luar negara dan jaringan hubungan yang dijalin dengan pembekal dari Thailand, Vietnam, Pakistan



PENGALAMAN BERNAS dalam mengendalikan perolehan beras import dari pelbagai sumber menjadikan bekalan beras negara sentiasa mencukupi.

dan beberapa negara lain, berjaya memastikan beras di dalam negara sentiasa mencukupi. Selain itu, kos membawa masuk bekalan beras import turut diserap agar tidak membebankan rakyat.

Pengurusan stok memastikan beras sentiasa ada di pasaran

Selain aspek perolehan, pengurusan stok penimbal negara merupakan komponen penting dalam memastikan bekalan beras tidak terjejas ketika berlaku lonjakan permintaan atau gangguan bekalan. Pengurusan inventori, kemudahan penyimpanan serta keupayaan pengagihan yang cekap membolehkan bekalan digerakkan dengan pantas apabila diperlukan.

Kesiapsiagaan operasi ini terbukti penting ketika berlakunya pandemik COVID-19 dan kestabilan bekalan makanan menjadi keutamaan nasional. Dalam tempoh tersebut, mekanisme pengurusan bekalan oleh BERNAS membantu memastikan bekalan beras kekal tersedia di pasaran walaupun berdepan tekanan logistik global.

Walaupun import berperanan sebagai pelengkap kepada bekalan

beras negara, pengeluaran domestik kekal sebagai teras utama kepada keterjaminan makanan negara. Sokongan BERNAS kepada pesawah menjadi komponen penting dalam memastikan sektor padi tempatan kekal berdaya maju.

Salah satu mekanisme utama ialah peranan sebagai Pembeli Padi Terakhir atau Buyer of Last Resort (BOLR), yang memberi jaminan pembelian padi termasuk padi rosak mengikut harga minimum yang ditetapkan tertakluk kepada proses permutuan. Mekanisme ini menyediakan kepastian pasaran kepada pesawah, khususnya ketika berlakunya lebihan hasil atau ketidaktentuan permintaan.

Selain itu, pengurusan Skim Subsidi Harga Padi (SSHP) bagi pihak kerajaan membantu memastikan pembayaran subsidi disalurkan tepat pada masanya, sekali gus menyokong aliran tunai pesawah sepanjang musim penanaman. SSHP disalur selepas musim penanaman atau selepas jualan padi.

Pemodenan sektor melalui teknologi dan skala ekonomi

Usaha meningkatkan tahap sara diri beras tempatan turut diperkukuh melalui penglibatan

BERNAS di dalam skim ladang berskala besar. Di bawah program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB), BERNAS merupakan satu-satunya syarikat korporat yang masih menjalankan agenda Kerajaan dengan memberi tumpuan kepada pendekatan pengurusan ladang bersepadu, penggunaan jentera moden serta analitik data bagi meningkatkan produktiviti.

Di bawah seliaan BERNAS, kawasan projek SMART SBB mencatatkan peningkatan purata hasil bersih padi sehingga 120 peratus pada tahun 2025. Sehingga Disember tahun yang sama, program tersebut melibatkan 49 projek dengan keluasan keseluruhan 2,451 hektar dengan penyertaan 898 pesawah di seluruh negara, termasuk pembangunan semula kawasan sawah terbiar bagi memperkukuh pendapatan pesawah dan kapasiti pengeluaran domestik.

Pelaburan dalam mekanisasi ladang turut dilaksanakan secara berperingkat melalui peruntukan sekitar RM40 juta bagi penggunaan teknologi pintar seperti dron pertanian, perata laser, jentuai padi mini dan traktor moden, bertujuan

mengurangkan kebergantungan kepada buruh serta meningkatkan kecekapan operasi.

Selain itu, projek rintis Rakan Tani Pintar AI yang memanfaatkan teknologi kecerdasan buatan yang dilaksanakan dengan kerjasama pelbagai agensi kerajaan, BERNAS dan Global AI Village (GAIV) dilihat berpotensi membantu pesawah membuat keputusan penanaman secara lebih tepat melalui panduan masa nyata sepanjang kitaran tanaman.

Ketidaktentuan cuaca dan bencana alam kekal sebagai risiko utama kepada sektor pertanian. Bagi mengurangkan impak kerugian pesawah, peruntukan bantuan bencana sebanyak RM60 juta disalurkan secara berperingkat bagi tempoh 2021 hingga 2026.

Di samping itu, dana tambahan berjumlah RM90 juta turut disalurkan kepada Tabung Bencana Bantuan Khas Pesawah yang diurus oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sebagai sokongan tambahan kepada usaha kerajaan membantu pesawah menghadapi cabaran perubahan cuaca dan kerugian tanaman.

Langkah perlindungan ini penting bagi memastikan pesawah mampu meneruskan aktiviti penanaman dan mengekalkan kestabilan pengeluaran domestik dalam jangka panjang.

Ekosistem yang saling melengkapi demi rakyat

Keterjaminan beras negara tidak bergantung kepada satu faktor sahaja, sebaliknya memerlukan keseimbangan antara pengeluaran tempatan, pengurusan stok, kepelbagaian sumber import dan perlindungan kebajikan pesawah.

Dalam kerangka ini, peranan setiap komponen ekosistem perlu dilihat sebagai saling melengkapi antara satu sama lain. Matlamat akhirnya kekal sama iaitu memastikan bekalan beras negara mencukupi, stabil dan mampu diperolehi rakyat pada harga yang berpatutan dalam apa jua keadaan ekonomi dan global.



BERNAS perkasa industri padi, tumpu kelestarian bekalan beras negara

Oleh FARID AHMAD TARMJI

ISU bekalan dan harga beras sering menjadi perhatian rakyat, terutamanya ketika berlaku gangguan pasaran global atau kenaikan kos makanan.

Dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu, kestabilan beras sebagai bekalan makanan ruji utama negara bukan sahaja penting kepada pengguna, tetapi juga kepada keseluruhan kesejahteraan sosial dan keselamatan makanan negara.

Malaysia berdepan cabaran tersendiri kerana sebahagian keperluan beras negara masih bergantung kepada import, manakala pengeluaran tempatan pula terdedah kepada risiko perubahan cuaca, kos operasi dan faktor struktur industri.

Justeru, memastikan bekalan beras kekal mencukupi memerlukan penyelarasan pelbagai pihak merangkumi kerajaan, pemain industri dan komuniti pesawah.

Dalam konteks inilah peranan Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) dilihat sebagai antara komponen penting dalam menyokong agenda keterjaminan makanan negara, khususnya melalui fungsi pengurusan bekalan, sokongan kepada pesawah dan mekanisme kestabilan pasaran.

Malaysia masih bergantung sebahagian daripada bekalan beras import untuk menampung keperluan domestik.

Beras import yang dibawa masuk oleh BERNAS bukan bertujuan untuk menggantikan beras tempatan, sebaliknya ia adalah mekanisme pelengkap bagi memastikan bekalan beras negara sentiasa mencukupi.

Situasi seperti sekatan eksport oleh negara pengeluar utama, fenomena cuaca ekstrem serta konflik geopolitik boleh memberi kesan langsung ke atas pasaran beras dunia.

Namun, Malaysia masih berada dalam keadaan terkawal dan tidak menerima kesan yang ketara akibat situasi ini.

Pengalaman BERNAS selama lebih 30 tahun mengurus perolehan beras dari luar negara membuktikan beras negara termasuk stok penimbal sentiasa mencukupi.

Selain itu, antara tanggungjawab utama yang kurang diketahui umum ialah pengurusan stok penimbal beras negara.

Stok ini berfungsi sebagai simpanan strategik bagi menghadapi sebarang krisis bekalan atau kecemasan, termasuk bencana dan gangguan rantaian



PENGALAMAN berdepan pelbagai krisis makanan dunia dan juga pandemik berjaya memantapkan Malaysia untuk mengatur strategi bagi perancangan bekalan makanan bagi tempoh jangka panjang.

bekalan.

Ketika pandemik COVID-19 misalnya, kestabilan harga dan bekalan beras dalam negara kekal terkawal walaupun banyak negara berdepan gangguan logistik dan kenaikan harga makanan.

Pengalaman krisis global memantapkan kesiapsiagaan negara dan sejarah krisis makanan dunia pada tahun 1973 dan 2008 telah memberi pengajaran penting kepada banyak negara mengenai kepentingan perancangan bekalan makanan jangka panjang.

Pengalaman tersebut menjadikan Malaysia lebih bersedia dalam menghadapi ketidakpastian pasaran global, termasuk ketika kenaikan harga beras dunia pada tahun 2023 akibat sekatan eksport, fenomena El Niño dan ketidakpastian ekonomi global.

Ditambah dengan jaringan hubungan BERNAS dengan syarikat negara pengeksport beras yang kukuh memberi kelebihan kepada negara untuk mengimport beras berkualiti dengan kuantiti yang lebih banyak pada harga yang berpatutan.

Pendekatan pengurusan bekalan dan harga yang dilaksanakan membantu memastikan impak kepada pengguna domestik dapat diminimumkan berbanding beberapa negara serantau lain.

Di peringkat domestik, kekuatan sektor padi tempatan menjadi asas kepada kestabilan jangka panjang. Justeru, usaha memperkukuh kebajikan pesawah terus menjadi



BERNAS memalinkan peranan penting untuk memastikan bekalan beras negara sentiasa mencukupi.

antara fokus utama.

Salah satu mekanisme perlindungan penting ialah peranan sebagai Pembeli Padi Terakhir (*Buyer of Last Resort*).

Melalui mekanisme ini, pesawah masih mempunyai jaminan pasaran untuk menjual hasil tuai mereka walaupun berlaku lebihan bekalan atau penurunan permintaan tertakluk kepada proses permutuan.

Pendekatan ini memberi kepastian pendapatan kepada pesawah bahawa hasil usaha mereka tidak akan terbiar tanpa pembeli, sekali gus membantu mengurangkan risiko kerugian ketika pasaran tidak menentu.

Cabaran besar sektor pertanian hari ini ialah faktor usia pesawah yang semakin meningkat.

Statistik menunjukkan sebahagian besar pesawah berada dalam kumpulan umur lebih 45 tahun, sekali gus menimbulkan kebimbangan terhadap kesinambungan sektor pada masa depan.

Bagi menanganai perkara ini, pelbagai usaha pemodenan diperkenalkan termasuk penggunaan teknologi mekanisasi ladang seperti jentera moden, dron serta pendekatan pertanian pintar dan analitik data.

Malah, BERNAS merupakan satu-satunya syarikat korporat

yang masih meneruskan agenda kerajaan dalam meningkatkan tahap sara diri beras menerusi pengurusan ladang berskala besar di bawah program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB).

Di bawah program ini, BERNAS berjaya membantu pesawah meningkatkan peningkatan hasil pengeluaran padi yang ketara di kawasan projek, sekali gus membantu meningkatkan pendapatan pesawah dan kapasiti pengeluaran tempatan.

Selain itu, penggunaan teknologi digital melalui projek rintis Rakan Tani Pintar AI yang memanfaatkan teknologi kecerdasan buatan turut memberi dimensi baharu kepada pengurusan sawah dengan menyediakan panduan masa nyata kepada pesawah sepanjang musim penanaman.

Pendekatan berasaskan teknologi ini bukan sahaja meningkatkan kecekapan produktiviti, malah berpotensi menarik minat generasi muda untuk kembali melihat sektor pertanian sebagai kerjaya masa depan yang berdaya maju.

Perubahan cuaca yang tidak menentu boleh memberi kesan besar kepada pengeluaran padi dan pendapatan pesawah.

BERNAS turut menyalurkan dana tambahan sebanyak RM90 juta kepada Tabung Bencana Bantuan Khas Pesawah yang diuruskan oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) bagi membantu meringankan beban tersebut dan menyokong pesawah yang terjerjas akibat bencana alam.

Sokongan tambahan turut disalurkan melalui pelbagai inisiatif bantuan khas sebagai sebahagian usaha bersama memperkukuh daya tahan komuniti pesawah dalam menghadapi risiko perubahan iklim.

Keterjaminan makanan bukan hanya bergantung kepada satu pihak atau satu pendekatan semata-mata. Ia memerlukan keseimbangan antara pengeluaran domestik, pengurusan bekalan, sokongan pesawah dan kestabilan pasaran.

Dalam ekosistem ini, peranan import, pengeluaran tempatan dan perlindungan pesawah saling melengkapi antara satu sama lain bagi memastikan rakyat terus menikmati bekalan beras yang mencukupi pada harga yang berpatutan.

Usaha berterusan memperkukuh keseluruhan rantaian industri padi dan beras negara akan kekal penting dalam memastikan sektor ini terus mampan serta mampu menghadapi cabaran masa depan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/3/2026	HARIAN METRO	LOKAL	16



Mohd Unit (kiri) melancarkan jualan Kombo Madani Segar di Pasar Tani Kuala Berang, Kuala Terengganu.

Oleh Baharom Bakar
am@hmetromcom.my

Kuala Berang

Sebanyak 100 bakul mengandungi seikat sawi hijau, daun salad seberat kira-kira satu kilogram (kg), minyak masak paket 1kg dan 500 gram ikan selayang segar dijual pada harga RM5 melalui jualan Kombo Madani Segar licin dalam tempoh 15 minit, semalam.

Turut mendapat sambutan pengunjung di Pasar Tani Kuala Berang adalah jualan Kombo Madani Proses iaitu bakul mengandungi 1kg minyak masak, gula, tepung gandum, ikan sardin dan bihin yang turut dijual pada harga RM5. Turut diadakan pada program Treasure Rama-

KOMBO MADANI SEGAR

100 bakul licin dalam 15 minit

dan dirasmikan Ahli Lembaga Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Mohd Unit A Bakar adalah pengagihan ketupat bersama serunding.

Turut hadir, Timbalan Ketua Pengarah FAMA (Sekuriti @ Operasi), Faisal Iswardi Ismail dan Pengarah FAMA ne-

geri, Muhamad Fadlee Hassan.

Pada program itu, turut diadakan adalah ziarah kasih ke atas lima asnaf di Kampung Padang Jambu, Dungun.

Mengulas mengenai hasil jualan di Pasar Tani di seluruh negeri, Mohd Unit berkata, nilai jualan diperolehi

usahawan pasar tani yang diadakan di seluruh negeri kira-kira RM20.8 juta.

Katanya, FAMA negeri turut menganjurkan sebanyak 250 program jualan agro Madani membabitkan 5,596 peserta usahawan.

"Program jualan agro Madani yang diadakan bagi membantu mengurangkan kos sara hidup rakyat memperoleh nilai jualan kira-kira RM4.27 juta," katanya.

Nilai jualan diperolehi usahawan pasar tani kira-kira RM20.8 juta

